

SAINS TAHUN 5

UNIT 4: TUMBUHAN

NAMA MURID



ARAHAN: JAWAB SOALAN DI BAWAH.

SOALAN 1

Perhatikan tumbuh-tumbuhan di bawah. Nyatakan ciri-ciri khas yang ada pada tumbuh-tumbuhan ini untuk melindungi diri daripada musuh.



pokok keladi

i)



pokok jeremin

ii)



pokok jelatang

iii)

SOALAN 2

Berdasarkan situasi yang diberikan, nyatakan ciri-ciri khas yang ada pada tumbuh-tumbuhan di bawah untuk menyesuaikan diri dengan iklim dan perubahan musim.



Pokok buluh dapat hidup di tempat yang berangin kencang.

i)

ii)



Pokok pain dapat hidup dalam cuaca sejuk.

i)

ii)

SOALAN 3

Tumbuh-tumbuhan yang berikut mempunyai cara pencaran biji benih atau buah yang berbeza. Nyatakan cara pencaran tersebut.

(a) 	(b) 	(c) 	(d) 
biji benih bendi	biji benih pepulut	biji benih dandelion	biji benih teratai

SOALAN 4

Perhatikan gambar di bawah. Kemudian jawab soalan berikut.



a) Nyatakan pencaran biji benih bagi gambar buah di sebelah.

b) Nyatakan ciri biji benih bagi pencaran biji benih yang di nyatakan.

SOALAN 5

Jawab teka teki tentang cara biji benih atau buah ini dipencarkan.
Kemudian, ramalkan biji benih atau buahnya.

(a) Di dalam air terapungnya saya,
Kulit berlilin dan licin pula;
Sabut berongga isi udara,
Bolehkah teka siapa saya?

Cara pencaran biji benih atau buah:

Ramalan biji benih atau buah:

(b) Warna menarik menawan hati,
Berbau harum tidak terperi;
Isi dimakan enak sekali,
Tekalah saya empunya diri.

Cara pencaran biji benih atau buah:

Ramalan biji benih atau buah:

(c) Di dalam lenggai saya berada,
Lenggai mengering matang tandanya;
Apabila merekah tercampaklah saya,
Marilah teka siapakah saya?

Cara pencaran biji benih atau buah:

Ramalan biji benih atau buah:

(d) Kecil dan ringan, bercangkuk pula,
Tidak menarik pada warnanya;
Tidak berisi dalam buahnya,
Cubalah teka siapakah saya?

Cara pencaran biji benih atau buah:

Ramalan biji benih atau buah:

(e) Bersaiz kecil dan ringan pula,
Bersayap dan nipis begitu rupa;
Terbang melayang jauh perginya,
Cubalah teka siapakah saya?

Cara pencaran biji benih atau buah:

Ramalan biji benih atau buah: